



**NOTIS PEMBERITAHUAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

\*\*\*\*\*

MAJLIS DAERAH MERSING  
NO 1, JALAN TUN DR. ISMAIL  
86800 MERSING, JOHOR DARUL TA'ZIM  
\*\*\*\*\*

**KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH MERSING (MDM)**

**TARIKH : 21 OGOS 2021 (SABTU)**

**SILA AMBIL PERHATIAN!** Bahawa kerajaan telah mengisytiharkan **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 1** berkuat kuasa mulai **21 OGOS 2021 (SABTU)** sebagai langkah tindakan kawalan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

Majlis Daerah Mersing telah mengemaskini pelaksanaan arahan ini mengikut lokaliti di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Mersing dengan pematuhan sepenuhnya berdasarkan *Standard Operational Procedure* (SOP) hanya membenarkan premis atau pengusaha yang **mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Daerah Mersing yang SAH sahaja** untuk beroperasi.

Sehubungan itu, aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh mengikut had waktu operasi yang telah ditetapkan adalah sebagaimana ketetapan berikut:

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	<b>PASAR AWAM / PASAR PERSENDIRIAN / PASAR TANI (KEKAL)</b>  a) Pasar Segar Mersing; b) Pasar Awam Jemaluang; c) Pasar Tani Kekal Endau.	6.00 pagi hingga 2.00 petang  * Kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap.
	Pasar Tani (PAKAR) Mersing.	6.00 pagi hingga 4.00 petang  * Kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap.
	Pasar Lelong Mersing, Taman Wawasan, Mersing.	9.00 pagi hingga 4.00 petang  * Kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap.
	Pasar Lelong Pagi Endau, Taman Desa Sri Endau.	7.00 pagi hingga 2.00 petang  * Kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap.

	Pasar Lelong Malam Endau, Taman Desa Sri Endau.	4.00 petang hingga 10.00 malam * Kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap.
2.	<b>SEKTOR PERUNCITAN</b> a) Pasar Raya; b) Pasar Raya Besar; c) <i>Departmental store</i> ; d) Kedai Runcit; e) Kedai Serbaneka; f) Kedai Serbaneka 24 Jam; g) Pemborong Runcit; h) Kedai Serbaneka di Stesen Minyak.	8.00 pagi hingga 8.00 malam
3.	<b>SEKTOR MAKANAN (PREMIS)</b> a) Kedai Makan; b) Restoran; c) Gerai Makan (Gerai Majlis Daerah Mersing); d) Gerai Makanan Tepi Jalan; e) Kedai Buah-buahan.	6.00 pagi hingga 10.00 malam  * <b>DIBENARKAN</b> <i>dine-in</i> bagi penerima vaksinasi lengkap. Walaupun bagaimanapun adalah digalakkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran.  Ibu bapa/penjaga yang <b>TELAH LENGKAP VAKSINASI DIBENARKAN</b> membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.
	<b>SEKTOR MAKANAN (TANPA PREMIS)</b> a) Penjaja; b) Penjaja Tepi Jalan; c) Penjaja Beredar; d) <i>Food truck</i> .	6.00 pagi hingga 10.00 malam  * <b>DIBENARKAN</b> <i>dine-in</i> bagi penerima vaksinasi lengkap. Walaupun bagaimanapun adalah digalakkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran.  Ibu bapa/penjaga yang <b>TELAH LENGKAP VAKSINASI DIBENARKAN</b> membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.  *Kebenaran terhadap hanya kepada pemegang permit yang sah dan di dalam kawasan yang dibenarkan oleh Majlis Daerah Mersing sahaja.
4.	<b>SEKTOR KESIHATAN</b> a) Hospital; b) Klinik Swasta; c) Klinik Swasta 24 Jam; d) Makmal Perubatan; e) Pusat Dialisis.	<b>SEPERTI BIASA</b>
	a) Kedai Farmasi; b) Klinik Haiwan; c) Kedai Perubatan Tradisional & Komplimentari; d) Kedai Ubat Berdaftar.	8.00 pagi hingga 8.00 malam

5.	<p><b>INSTITUSI KEWANGAN</b></p> <p>a) Institusi Perbankan &amp; ATM/CDM;                  b) Syarikat Kredit Komuniti (SKK);                  c) Ar-Rahnu;                  d) Insurans / Takaful;                  e) Pemberi Pinjam Wang (PPW).</p>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p> <p>* Syarikat Kredit Komuniti dan Pemberi Pinjam Wang yang berdaftar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan mendapat kebenaran beroperasi daripada MITI.</p>
6.	<p>Stesen Minyak.</p>	<p>6.00 pagi hingga 8.00 malam</p>
7.	<p><b>PERKHIDMATAN</b></p> <p>a) Kedai Dobi Perkhidmatan Penuh;                  b) Kedai Dobi Layan Diri.</p>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p> <p>* Pemilik Kedai Dobi Layan Diri perlu memastikan sekurang-kurangnya 1 orang pekerja ditugaskan bagi memantau pelaksanaan pematuhan SOP yang ditetapkan.</p>
8.	<p><b>PERDAGANGAN PENGEDARAN YANG MERANGKUMI</b></p> <p>a) Kedai <i>Hardware</i>;                  b) Kedai <i>Hardware</i> Barang Binaan Rumah;                  c) Kedai Barangan Sembahyang / Keagamaan;                  d) Kedai Menjual Barangan Bayi;                  e) Kedai Makanan Haiwan;                  f) Kedai cermin mata dan barang optik;                  g) Kedai Input Pertanian (Baja/Racun);                  h) Kedai Buku dan Alat Tulis;                  i) Kedai Komputer dan Telekomunikasi;</p>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p>
9.	<p><b>SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN</b></p> <p>a) Kedai Cuci Kereta;                  b) Kedai Elektrik dan Elektronik;                  c) Kedai Barangan Rumah dan Peralatan Dapur;                  d) Kedai Perabot;                  e) Kedai Peralatan Sukan;                  f) Kedai Aksesori Kereta;                  g) Pusat Pengedaran dan Jualan Kereta;                  h) Kedai Pakaian, Fesyen dan Aksesori;                  i) Kedai Barang Kemas;                  j) Kedai Gunting Rambut dan Salun Kecantikan. (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja)</p>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p> <p>* Kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap.</p> <p>*Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin memasuki premis <b>MESTI</b> menunjukkan Kad Sijil Digital Vaksinasi <b>COVID 19</b> yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap.</p> <p>* Ibu bapa/penjaga yang <b>TELAH LENGKAP VAKSINASI DIBENARKAN</b> membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.</p>
10.	<p><b>PERKHIDMATAN AUTOMOTIF (PEMBAIKAN &amp; PENYELENGGARAAN)</b></p> <p>a) Pusat Servis Kenderaan;                  b) Bengkel Kenderaan / Motosikal / Bot (Penyelenggaraan dan alat ganti);                  c) Kedai Tayar / Bateri / Cermin;                  d) Alat Ganti Kenderaan.</p>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p>
11.	<p><b>INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA KATEGORI PUSAT</b></p> <p>a) Kelas Tuisyen;                  b) Kelas Bahasa;                  c) Kelas Muzik;                  d) Lain-lain Kelas di bawah kategori Institusi Pendidikan Swasta (IPS).</p>	<p><b>TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI</b></p>

12.	<p><b>SEKTOR PENDIDIKAN</b></p> <p>a) Pusat jagaan harian; b) Pusat asuhan kanak-kanak; c) Tadika; d) Tabika; e) TASKA.</p>	<p><b>TIDAK DIBENARKAN</b></p> <p>*<b>KECUALI</b> untuk anak-anak di mana kedua-dua ibu bapa dan penjaga merupakan barisan petugas hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu.</p>
13.	<p><b>PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI, DIGITAL DAN ICT</b></p> <p>a) Kedai Telekomunikasi dan internet. (Menjual telefon / membaiki telefon / menjual tambah nilai)</p>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p>
14.	<p><b>PENGINAPAN</b></p> <p>a) Hotel; b) Motel/ Rumah Penginapan.</p>	<p><b>SEPERTI BIASA</b></p> <p>* Hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan.</p>
15.	<p><b>PERKHIDMATAN FERI BERJADUAL</b></p> <p>a) Feri ke Pulau Tioman; b) Bot-Bot ke Pulau-Pulau di sekitar perairan daerah Mersing.</p>	<p><b>SEPERTI BIASA</b></p> <p>* Perkhidmatan Feri dan Bot di Mersing hanya bagi kegunaan penduduk dan pekerja di pulau tersebut sahaja.</p> <p>* 50% kapasiti kenderaan.</p>
16.	<p><b>UTILITI</b></p> <p>a) Air; b) Tenaga.</p>	<p><b>SEPERTI BIASA</b></p>
17.	<p><b>PEJABAT URUSAN</b></p> <p>a) Operasi Pos dan Kurier.</p>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p>
18.	<p><b>AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI</b></p> <p>Terhad kepada aktiviti secara individu di kawasan terbuka sahaja <b>TERHAD</b> kepada:</p> <p>a) Joging; b) Senaman; c) Berbasikal; d) Permainan Individu; e) Taichi; f) Skateboarding; g) Ekuestrian; h) Memanah; i) Mendaki; j) Tenis (Single); k) Badminton (Single); l) Golf; m) Permotoran dan seumpamanya;</p>	<p>6.00 pagi hingga 8.00 malam</p> <p>*Dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter.</p>
19.	<p>Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup.</p>	<p><b>DIBENARKAN</b></p> <p>* Pematuhan SOP yang disediakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia</p>
20.	<p><b>HIBURAN DAN REKREASI</b></p> <p>a) Pusat Hiburan Keluarga; b) Arked Permainan; c) Permainan berasaskan peralatan mesin dan hiburan teknologi (<i>rides, simulators</i> dan <i>technology</i>) dan hiburan pendidikan</p>	<p><b>TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI</b></p>

	<p>(<i>edutainment</i>).</p> <p>d) Permainan <i>gym</i>;  e) Peralatan Mesin &amp; Hiburan Teknologi;  f) Karaoke Keluarga &amp; Pentas;  g) Pusat Muzik (<i>Jamming</i>);  h) Permainan Video;  i) Kedai Snuker;  j) Fasiliti di Hotel / Penginapan (Kolam Renang, <i>Gym</i>, SPA dan Lain-lain).</p>	
21.	<p><b>PEJABAT URUSAN</b></p> <p>a) Pejabat Urusan / Jualan Agensi Hartanah / Pemaju Perumahan;  b) Pejabat Urusan / Kontraktor Hiasan Dalam;   c) Pejabat Kontraktor (Pelbagai Perkhidmatan);  d) Pejabat Persatuan / Kelab Komuniti.</p>	<b>TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI</b>
22.	<p><b>LAIN-LAIN PERNIAGAAN</b></p> <p>a) Kedai Menjahit Pakaian;  b) Kedai Baiki Kasut;  c) Kedai Barangan Terpakai  d) Kedai Menjual/ Membuat Cenderamata;  e) Kedai Jam/Membaiki Jam;  f) Kedai Menjual Minyak Wangi;  g) Menjual Tembakau/ Perusahaan Tembakau (Termasuk di <i>Duty-Free Shop Lot</i>)  h) Kedai Menjual Keranda &amp; Batu Nisan;  i) Kedai Tembikar;  j) Kedai Aluminium;  k) Kedai Besi;  l) Bengkel Kimpalan / Kejuruteraan;  m) Kedai Gas;  n) Kedai Getah;  o) Kedai Menjual &amp; Membuat Kunci;  p) Kedai Bingkai Gambar / Kedai Cermin;  q) Kedai Peralatan Memancing;  r) Kedai Basikal/Membaiki Basikal;  s) Menjual Alat Penapis;  t) Membeli/Menjual Barang Kitar Semula;  u) Perkhidmatan Kerja ke Rumah, Contoh: Coway, Cuckoo dll;  v) Kedai Langsir / Permaidani;  w) Kedai Kasut;  x) Kedai Beg;  y) Kedai Permainan Kanak-Kanak;  z) Kedai Menjual Kosmetik / Butik Kecantikan;  aa) Kedai Perkhidmatan Percetakan / Fotostat / Logo Stiker / Cap Getah (<i>Rubber Stamp</i>);  bb) Kedai Pengiklanan/ Membuat Iklan;  cc) Kedai Gambar / Studio;  dd) Kedai Menjual Kamera;  ee) Kedai Menjual Peralatan Karaoke/Audio;  ff) Kafe Siber Dan Pusat Siber;  gg) Pejabat Persatuan / Kelab Komuniti;  hh) Kedai Jubin;  ii) Menjual Alat-Alat Keselamatan;  jj) Perkhidmatan Tabib (Akupunktur);  kk) Butik Andaman / Pengantin;  ll) Kedai Bunga, Nursery, Barangan Landskap dan Tapak Semaian;</p>	<b>TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI</b>
23.	<b>SENARAI PERKHIDMATAN PERLU</b>	1. Semua sektor dalam senarai perkhidmatan perlu yang berdaftar dengan Kementerian/Agensi yang berkaitan

<p><b>A – PEMBUATAN (KAPASITI 60%)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aeroangkasa (komponen dan <i>maintenance, repair and overhaul</i> – MRO);</li> <li>2. Makanan dan minuman;</li> <li>3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan;</li> <li>4. Barang-barang penjagaan diri dan bahan pencuci;</li> <li>5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan;</li> <li>6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran;</li> <li>7. Komponen bagi peranti perubatan;</li> <li>8. Elektrikal dan Elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global);</li> <li>9. Minyak dan gas (<i>oil and gas</i>) termasuk petrokimia dan produk petrokimia;</li> <li>10. Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja;</li> <li>11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja;</li> <li>12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir.</li> </ol> <p><b>B – PERTANIAN, PERIKANAN, PENTERNAKAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI (KAPASITI OPTIMA)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya;</li> <li>2. Perladangan dan komoditi serta rantaianya (kelapa sawit, getah, lada dan koko).</li> </ol> <p><b>C - PEMBINAAN:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;</li> <li>2. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama; dan</li> <li>3. Kerja-kerja pembinaan yang menyediakan penginapan pekerja yang diluluskan di tapak bina atau yang menempatkan pekerja di Kuarters Pekerja Berpusat (yang diluluskan).</li> <li>4. Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G 1 G 2 G 3 dan G 4.</li> <li>5. Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan.</li> <li>6. Kerja-kerja pembinaan projek Kerajaan (<i>Government Funded Project</i>).</li> <li>7. Kerja-kerja penyiasatan tanah.</li> <li>8. Perkhidmatan profesional perunding yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi.</li> </ol>	<p><b>BOLEH BEROPERASI</b> dalam tempoh PKP. Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada pendaftaran/surat kelulusan beroperasi dan pas pekerja/surat pengesahan majikan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Pergerakan urusan rasmi Kerajaan perlu disertai oleh dokumen pengesahan majikan.</li> <li>3. Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan perlu terhad kepada pekerja yang perlu hadir secara fizikal ke tempat kerja bagi tujuan melaksanakan tugas dan kategori pekerja lain dalam perkhidmatan perlu boleh bekerja dari rumah. (Majikan bertanggungjawab membuat pengelasan kategori bagi mengurangkan bilangan orang di tempat kerja kepada kadar yang perlu).</li> </ol> <p>Sektor swasta: 60% - kapasiti kehadiran pekerja termasuk operasi dan pengurusan.</p> <p>Sektor Pembuatan Dan Pembinaan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembuatan dan Pembinaan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut :             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja.</li> <li>b. 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja.</li> <li>c. 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja.</li> </ol> </li> <li>2. Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan.</li> </ol> <p>Sektor Perlombongan dan Pengkuarian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi sektor perlombongan dan pengkuarian yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kurang 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja.</li> <li>b. 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja.</li> <li>c. 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja.</li> </ol> </li> <li>2. Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan.</li> </ol>
--	---

<p>9. Perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi.</p> <p><b>D – PERDAGANGAN PENGEDARAN:</b></p> <p><b><u>TANPA SYARAT VAKSIN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kompleks membeli belah <b>DITUTUP</b> kecuali pasar raya pasar raya besar dan <i>departmental stores</i> <b>TERMASUK</b> semua perkhidmatan perlu yang disenaraikan.</li> <li>2. Pasar raya dan pasar raya besar.</li> <li>3. <i>Departmental store</i> <b>KECUALI</b> seksyen pakaian perhiasan kosmetik dan alat permainan kanak kanak.</li> <li>4. Kedai farmasi penjagaan diri kedai serbaneka dan <i>mini mart</i>.</li> <li>5. Restoran.</li> <li>6. Dobi termasuk layan diri.</li> <li>7. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan.</li> <li>8. Kedai cermin mata dan barang optik.</li> <li>9. Kedai <i>hardware</i>.</li> <li>10. E dagang semua kategori produk.</li> <li>11. Pemborongan dan pengedaran semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja.</li> <li>12. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti.</li> <li>13. <i>Other Specialty Retail Stores</i> stesen minyak.</li> <li>14. Kedai buku dan alat tulis.</li> <li>15. Kedai komputer dan telekomunikasi.</li> </ol> <p><b><u>DENGAN SYARAT PELANGGAN TELAH LENGKAP DIVAKSINASI.</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kedai cuci kenderaan.</li> <li>2. Kedai elektrik dan elektronik.</li> <li>3. Kedai barangan rumah dan peralatan dapur.</li> <li>4. Kedai perabot.</li> <li>5. Kedai peralatan sukan.</li> <li>6. Kedai aksesori kenderaan.</li> <li>7. Pusat pengedaran dan jualan kenderaan.</li> <li>8. Pasar pagi dan pasar tani sahaja.</li> <li>9. Kedai pakaian fesyen dan aksesori.</li> <li>10. Kedai barang kemas.</li> <li>11. Kedai gunting rambut dan pusat salun kecantikan perkhidmatan gunting rambut asas sahaja.</li> </ol> <p><b>E – LAIN-LAIN:</b></p> <p>Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.</p>	
---	--

**AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI**

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS
1.	Aktiviti Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Operasi SPA, refleksologi, pusat urut dan perkhidmatan <i>pedicure dan manicure</i>.</li> <li>• Operasi kafe siber dan pusat siber.</li> <li>• Institut Latihan Memandu, Pusat Latihan Maritim dan Pusat Latihan Penerbangan.</li> <li>• Aktiviti fotografi.</li> <li>• Agensi nombor ramalan, lumba kuda dan kasino.</li> <li>• Operasi kilang dan kedai minuman keras.</li> </ul>
2.	Aktiviti Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Rasmi atau Tidak Rasmi Kerajaan dan swasta.</li> <li>• Majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri, majlis meraikan pernikahan atau pertunangan, majlis perkahwinan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion, retreat</i> dan lain-lain majlis sosial.</li> <li>• Menerima tetamu atau pelawat di kediaman kecuali kes-kes kecemasan dan perkhidmatan penghantaran (<i>delivery</i>).</li> <li>• Seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, ceramah, pameran dan aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)</i> secara bersemuka.</li> </ul>
3.	Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, <i>farms</i>, akuarium, pusat <i>edutainment, extreme, adventure, nature parks</i> dan lain-lain.</li> <li>• Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat atau kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain.</li> <li>• Taman Tema, Pusat Hiburan Keluarga, <i>indoor playground</i> dan karaoke termasuk karaoke keluarga.</li> <li>• Aktiviti pelancongan ke luar daerah dan negeri.</li> <li>• Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia.</li> </ul>
4.	Aktiviti Sukan dan Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan secara berkumpulan atau melibatkan sentuhan fizikal.</li> <li>• Semua aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan di kawasan tertutup (<i>indoor</i>).</li> <li>• Kehadiran penonton atau penyokong ke <i>venue</i> sukan dan rekreasi.</li> <li>• Penganjuran kejohanan atau pertandingan atau perlawanan tempatan dan antarabangsa <b>KECUALI</b> pertandingan / kejohanan dalaman atau tertutup anjuran Majlis Sukan Negara dan perlawanan latihan pasukan-pasukan di bawah <i>Malaysian Football League (MFL)</i>.</li> <li>• Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa <b>KECUALI</b> mendapat kebenaran PDRM.</li> </ul>
5.	Industri Kreatif dan Aktiviti Hiburan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persembahan di <i>lounge</i> hotel.</li> <li>• Aktiviti <i>indoor</i> atau <i>outdoor busking</i> (kecuali di Pusat Pemberian Vaksin).</li> <li>• Aktiviti di kelab malam dan pub.</li> <li>• Aktiviti di panggung wayang.</li> <li>• Penggambaran <i>indoor</i>.</li> </ul>
6.	Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.</li> <li>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa kesemasa.</li> <li>• Merentas negeri dan daerah tanpa kebenaran PDRM.</li> </ul>



### **KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP *DINE-IN* DAN PASAR.**

- i. Pengusaha restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi kedai makan gerai makan kenderaan bersaji penjaja tepi jalan penjaja beredar medan selera pusat penjaja gerai makan tepi jalan dan kiosk dibenarkan menyediakan perkhidmatan *dine-in* dengan mematuhi syarat berikut:
  - a. Hanya menerima pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala.
  - b. Pemilik premis perniagaan **MESTI** memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis.
  - c. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut:
    - I. 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja
    - II. 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja
    - III. 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja
  - d. Pemilik premis perniagaan perlu memastikan susun atur meja mengikut penjarakan dan premis mempunyai sistem pengudaraan (*ventilation*) yang baik.
  - e. Aktiviti *dine-in* dengan kapasiti 50% setiap meja dan penjarakan fizikal sekurang kurangnya 1 meter tertakluk kepada SOP KPDNHEP PPN Fasa 1 Perdagangan Pengedaran.
- ii. Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.
- iii. Kemudahan bagi aktiviti pasar, pelanggan yang mendapat kemudahan ini mestilah telah menerima vaksinasi lengkap.
- iv. Pasar pagi pasar tani pasar malam dan pasar minggu dibenarkan beroperasi dengan memastikan pelanggan yang ingin memasuki kawasan pasar pagi pasar tani pasar malam dan pasar minggu **MESTI** menunjukkan **Kad/Sijil Digital Vaksinasi COVID-19** yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap.

### **KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP SUKAN & RIADAH DAN PERKELAHAN & PERKHEMAHAN**

- i. Penggunaan premis dan fasiliti sukan dan rekreasi adalah **TERHAD** bagi individu yang telah **MELENGKAPKAN VAKSINASI** sahaja bagi melakukan semua aktiviti sukan dan rekreasi secara individu yang tidak bersentuhan fizikal bagi tujuan kesihatan kecergasan dan kemahiran sendiri dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang kurangnya 2 hingga 3 meter bermula jam **6.00 pagi hingga 8.00 malam** dan dilakukan dalam daerah yang sama sahaja Aktiviti yang boleh dilakukan di premis fasiliti adalah seperti renang, equestrian, menembak tenis (*single*) , badminton (*single*) golf, permotoran dan seumpamanya.
- ii. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (*outdoor*) dan separa terbuka termasuk kolam renang, premis sukan & rekreasi air (terbuka/ separa terbuka) dengan pematuhan kepada **60% kapasiti** penggunaan kawasan **DENGAN** kawalan penyeliaan Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi **60% tenaga kerja** merangkumi pengurusan dan operasi Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah **MELENGKAPKAN** vaksinasi sahaja Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat.

- iii. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (*outdoor*) dan separa terbuka termasuk kolam renang premis sukan rekreasi air terbuka separa terbuka awam adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Pihak Berkuasa Berkaitan.
- iv. Aktiviti *dine-in* di restoran atau kafe di premis seperti *club house* adalah **DIBENARKAN**. Namun operasi bilik mandi adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- v. Aktiviti perkelahan dan perkhemahan adalah dibenarkan dalam daerah yang sama Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap **DIBENARKAN** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat.

**PERINGATAN TENTANG PELAKSANAAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN WABAK PENYAKIT:**

- i. Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-Langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi)** yang selaras dengan **Tatacara Pembersihan Dan Disinfeksi Tempat Awam** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barangan, tombol pintu, kaunter bayaran, tangga, *nozzle pump*, dan sebagainya secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan dan merekodkan kerja-kerja disinfeksi tersebut.
- ii. Membuat tanda penjarakan 1 meter antara pelanggan dan memasang pita keselamatan mengikut keperluan di premis.
- iii. Pemilik/pengusaha diminta menyediakan *hand sanitizer*, alat penyukat suhu, QR code MySejahtera dan buku rekod pelanggan/pekerja untuk kegunaan pekerja dan pelanggan.
- iv. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki ke dalam premis dan sentiasa memastikan pelanggan memakai pelitup muka.
- v. Memantau jarak selamat (sekurang-kurangnya 1 meter) antara satu dengan yang lain sama ada dalam kalangan pelanggan mahupun pekerja di kawasan premis.
- vi. Setiap premis perlu memaparkan jumlah had kemasukan pelanggan pada sesuatu masa Penggunaan sistem nombor giliran digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis.
- vii. Majikan diwajibkan untuk memastikan semua pekerja memakai pelitup muka (*face mask*).
- viii. Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai atau *cashless* (*e-wallet*, kad kredit dan lain-lain) bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya pasar raya, kedai runcit dan kedai serbaneka.
- ix. Menggalakkan sistem temu janji secara dalam talian (*online*) terhadap pelanggan yang ingin berurusan di premis dan juga sistem pesanan serta penghantaran secara dalam talian bagi mengelakkan kesesakan atau orang ramai berkumpul dalam satu lokasi yang sama dalam tempoh yang panjang.
- x. Sentiasa mematuhi had waktu operasi yang dibenarkan.
- xi. Melaksanakan lain-lain langkah pencegahan penularan wabak penyakit yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.
- xii. Segala aktiviti yang dibenarkan beroperasi hendaklah dipatuhi dengan SOP ketat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**PERINGATAN KEPADA PENGUSAHA MAKANAN/MINUMAN YANG MENJALANKAN AKTIVITI PENJUALAN MAKANAN/MINUMAN:**

- i. *Dine-in* **DIBENARKAN** di restoran atau kedai makan bagi penerima vaksinasi lengkap sahaja dengan kapasiti 50% setiap meja serta penjarakan 1 meter antara pelanggan mengikut saiz meja.
- ii. *Dine-in* **TIDAK DIBENARKAN** dan **HANYA TAKE-AWAY** bagi individu yang bukan penerima vaksinasi lengkap.
- iii. Aktiviti penjualan makanan/minuman yang dibenarkan adalah di dalam kawasan premis perniagaan makanan/minuman sahaja dan pembeli adalah digalakkan secara pandu lalu (*drive-thru*) atau bungkus (*take-away*).
- iv. Adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan penghantar makanan dan mengamalkan konsep *cash on delivery* (COD) tempah dan hantar.
- v. Digalakkan menggunakan kaedah tempah dan ambil dalam penjualan makanan/minuman.
- vi. Hendaklah sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan tempat perniagaan. Menggunakan pelitup muka dan sentiasa amal langkah-langkah pencegahan covid-19 sepanjang waktu berniaga.
- vii. Pelanggan diwajibkan beratur ketika membeli makanan/minuman dan pastikan jaga jarak sosial iaitu, 1-meter atau lebih antara individu.
- viii. Menjadi tanggungjawab peniaga untuk memastikan dapat mengawal pelanggan untuk tidak berkerumun/berkumpul ketika menempah dan mengambil/membeli makanan/minuman serta mengekalkan jarak sosial 1 meter.

**PERINGATAN KEPADA PERKHIDMATAN PENGHANTARAN MAKANAN/ MINUMAN FOOD DELIVERY:**

- i. Perkhidmatan penghantaran yang **BERLESEN** dan telah mendapatkan kebenaran daripada Majlis Daerah Mersing sahaja yang **DIBENARKAN** untuk beroperasi.
- ii. Sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**.
- iii. Mengamalkan penjagaan kebersihan diri, peralatan serta kenderaan sepanjang masa beroperasi. Sentiasa mematuhi peraturan dan **Garis Panduan Keselamatan Makanan Bagi Produk Makanan Yang Dijual Secara Dalam Talian, KKM**.
- iv. Menggunakan penutup mulut ketika menjalankan penghantaran makanan/minuman. Elak dari memakai sarung tangan. Sebaiknya kerap mencuci tangan dan menggunakan *hand sanitizer* sebelum dan selepas menyerahkan makanan/minuman kepada pelanggan.
- v. Tidak merokok. Penghantar makanan/minuman dinasihatkan untuk tidak merokok ketika menghantar makanan/minuman kepada pelanggan.
- vi. Melaksanakan *self-regulating health check* secara berkala seperti pemeriksaan suhu badan, mengesan simptom demam, selsema, batuk dan sebagainya. Tidak dibenarkan bekerja sekiranya didapati tidak sihat.
- vii. **Had waktu operasi** dibenarkan adalah dari jam **8.00 pagi hingga 10.00 malam** dan tertakluk pada perubahan arahan dari semasa ke semasa sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP).

Pengusaha-pengusaha premis perniagaan atau aktiviti perniagaan diminta mematuhi arahan ini **MULAI 21 OGOS 2021 (SABTU)** selaras dengan peruntukan kuasa kepada **MAJLIS DAERAH MERSING** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**. Sekiranya terdapat jenis / kategori aktiviti perniagaan yang tidak jelas / tidak dinyatakan dalam notis ini adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Sebarang info lanjut berkenaan garis panduan *Standard Operational Procedure (SOP)* sila layari <https://www.mkn.gov.my/web/ms/pelan-pemulihan-negara-fasa-1/>.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan;

**Yang Dipertua  
MAJLIS DAERAH MERSING**

s.k:

1. Ketua Bahagian Penguatkuasaan - Tindakan rondaan dan penguatkuasaan.
2. Ketua Polis Daerah Mersing.
3. Pegawai Kesihatan Daerah Mersing. } Untuk makluman.